

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : WONG KAH WHO [IPOH TIMUR]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

WONG KAH WHO [IPOH TIMUR] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan pihak siapa yang akan memiliki data-data yang ada dalam aplikasi MySejahtera dan bagaimanakah data-data tersebut dapat dilindungi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Aplikasi MySejahtera dibangunkan berdasarkan kepada keperluan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang memerlukan kerjasama komuniti untuk membantu KKM dalam mengawal penularan wabak COVID-19. MySejahtera dibangunkan melalui kerjasama strategik antara MKN, KKM, MAMPU, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

2. Data yang dikumpulkan melalui aplikasi MySejahtera **dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan dikawal selia oleh Agensi Keselamatan Siber Negara, Majlis Keselamatan Negara (NACSA, MKN)**. Data-data ini diurus berdasarkan Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Perubatan 1971. Kerajaan juga memastikan bahawa maklumat peribadi yang dikumpulkan adalah selari dengan peruntukan **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010**. Aplikasi MySejahtera menerapkan **ciri-ciri keselamatan yang mematuhi piawaian global untuk melindungi kerahsiaan dan keselamatan data**.

Sekian, terima kasih.